

19/06/1999

Pemulihan ekonomi tiada erti jika negara hilang identiti

Kadir Dikoh; Saidon Idris

AKHBAR rasmi Pas tiba-tiba berminat kepada laporan berbentuk ekonomi tetapi berbau politik. Akhbar terbitan 14 Jun itu, sekali lagi cuba menafikan pemulihan ekonomi negara.

Dengan laporan muka depan bertajuk `EKONOMI KITA TERUS LEMBAP', manakala tajuk kecilnya berbunyi `Ketika negara serantau maju ke depan', ia memberi gambaran seolah-olah pemimpin Barisan Nasional (BN) membohongi rakyat.

Laporan itu sekali lagi memetik pensyarah ekonomi Universiti Malaya, Prof Jomo KS sebagai berkata Korea Selatan dan Indonesia lebih pulih daripada Malaysia dengan menyebut Korea Selatan mencatat pertumbuhan 4.6 peratus dan Indonesia 1.7 peratus untuk suku pertama tahun ini, sedangkan Malaysia menguncup 1.5 peratus.

(Ketika laporan akhbar itu dibuat kadar pertumbuhan sebenar bagi suku pertama negara belum lagi diumumkan oleh Bank Negara dan Jabatan Perangkaan).

Katakan, perangkaan dan perbandingan itu betul, akhbar itu atau Jomo sepatutnya memberi penjelasan lanjut apakah harga yang terpaksa dibayar oleh rakyat Korea dan Indonesia, gara-gara terikut telunjuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Bukan sedikit harta di kedua-dua negara itu terlepas ke tangan pihak asing termasuk bank dan syarikat milik warga tempatan. Ribuan menganggur dan berpuluh bank ditutup. Keadaan ini tidak berlaku di Malaysia, sekurang-kurangnya dari segi melepaskan harta seperti bank kepada orang asing.

Bantuan disalurkan IMF misalnya, memberi keistimewaan kepada institusi perbankan di Barat. Mereka menetapkan syarat, negara penerima menggunakan pinjaman yang diluluskan untuk melangsaikan hutang dengan bank luar terlebih dahulu.

"Setelah selesai hutang luar, barulah bakinya digunakan untuk mengatasi masalah kewangan dalaman," kata Senator Datuk Mohd Zuki Kamaluddin dalam perbahasan di Dewan Negara tidak berapa lama dulu. Keadaan seperti ini seolah-olah menyusu kera di hutan tetapi anak di rumah dibiarkan kelaparan.

Sudah tentu pendekatan IMF itu disukai pelabur Barat. Sememangnya, sesebuah negara termasuk Malaysia memerlukan dana asing untuk membantu memulihkan ekonomi tetapi kita tidak mahu `madu di tangan kanan tetapi racun di tangan kiri'. Ia enak dimakan tetapi makanan yang disediakan bercampur racun. Biarlah pemulihan ekonomi Malaysia lambat berbanding Korea Selatan dan Indonesia jika benar seperti didakwa, asalkan asas ekonomi negara tidak rosak atau dirosakkan oleh agenda Barat. Sebab itu jugalah Malaysia menolak bantuan IMF. Kita tidak mahu menang sorak tetapi kampung tergadai!

Antara tiga syarat utama bantuan IMF yang menjejaskan sesebuah negara ialah negara penerima bantuan dipaksa membuka pasaran kewangan, mesti mengamalkan kadar faedah tinggi dan meningkatkan cukai. Bank diminta mengemukakan pengeluaran pinjaman dan yang bermasalah mesti ditutup. Bagi Malaysia, semua ini tidak boleh diterima, kerana syarat berkenaan hanya bermakna institusi kewangan asing akan berupaya mendapat wang mereka semula tetapi rakyat negara penerima terus sengsara.

Dasar kewangan IMF yang menjurus kepada kadar faedah yang tinggi, bagi kebanyakan rakyat di negara penerima, bermakna kehilangan pekerjaan serta kenaikan harga barang dan bagi peniaga kecil pula, terpaksa gulung tikar. Orang ramai sukar mendapat pinjaman dan bank pula sukar memberi pinjaman. Apabila ini berlaku, kitaran ekonomi akan lumpuh. Maka, ketika ini mereka

menghulurkan bantuan kononnya untuk menyelamatkan negara. Mereka akan membeli bank dan syarikat negara ini dengan harga yang murah. Lebih dahsyat lagi, kita terpaksa mengikut telunjuk mereka - penjajahan ekonomi ala baru.

Kesan sampingannya begitu meluas. Bila banyak syarikat ditutup, pengangguran bertambah dan apabila syarikat terus mengalami kerugian, ia terpaksa membuang pekerja bagi mengekang tekanan krisis. Inflasi meningkat menyebabkan harga barangan naik dan akhirnya setiap lapisan masyarakat sama ada peniaga, petani, pekerja awam, swasta dan suri rumah merasai zaman sukar itu. Inilah keperitan dialami di negara penerima bantuan IMF.

Apabila Malaysia memperkenalkan dasar kawalan tukaran wang asing secara berpilih, ia memang tidak disukai pihak asing, terutama pelabur jangka pendek yang semata-mata memasuki pasaran untuk mengaut keuntungan segera. Dasar ini tidak menyekat pelaburan langsung asing (FDI) dan pelabur jangka panjang yang tetap setia kepada Malaysia atau disukai Malaysia.

Malaysia sanggup menolak 'wang panas' jangka pendek daripada memasuki pasaran melalui dasar itu, kerana kesannya lebih parah. Malaysia juga masih berdegil tidak mahu ekuiti asing melebihi 30 peratus dalam bank tempatan ketika Korea dan Indonesia sanggup menjual keseluruhannya kepada orang luar.

Jomo mendakwa, berbanding dengan negara serantau lain yang dilanda krisis, Malaysia paling lambat dan lembap untuk pulih. Jomo yang berpendidikan Barat sepatutnya sedar apa yang berlaku di Korea dan Indonesia, mahupun di Thailand.

Sebelum ini, Jomo dalam artikel yang disiarkan akhbar itu turut mendakwa bahawa kenaikan Indeks Komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kebelakangan ini, mungkin kerana kerajaan menggunakan dana rakyat.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga bekas Menteri Kewangan dipetik sebagai berkata bahawa Pas tidak berhak mempersoalkan hakikat pemulihan ekonomi negara ketika ini kerana pemimpinnya selama ini tidak pernah menyumbang idea untuk membebaskan negara daripada kegawatan.

Beliau menyifatkan Pas sebagai kehilangan fakta dan hanya tahu mengkritik walaupun hakikatnya ekonomi negara kian pulih.

Jomo pula sepatutnya lebih arif kerana turun naik pasaran adalah berdasarkan sentimen pelabur. Jika benar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Petronas, Lembaga Tabung Haji atau Permodalan Nasional Bhd (PNB) memasuki pasaran secara besar-besaran, dan sekali gus menaikkan IK di BSKL, ia sudah semestinya sesuatu pelaburan biasa yang bijak. Sesiapapun, tidak akan melepaskan peluang apatah lagi jika ada wang untuk membeli saham ketika harga murah.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid ketika diminta mengulas andaian berkenaan baru-baru ini menolak anggapan itu dengan menyifatkan dakwaan terbabit sebagai tidak adil.

"Kami (PNB) melabur dalam stok yang baik. Ketika harga (saham) murahlah waktu terbaik untuk membelinya. Bagaimana pula kita cuma melihat (harga murah) dan tidak beli, kita akan dituduh tidak berhemat dan tidak bijak. Dan, dalam proses ini, jika kita berupaya menaikkan pasaran (IK), ia adalah keadaan sama-sama menang. Ia baik untuk negara dan menguntungkan pemegang unit amanah saham PNB yang seharusnya berasa gembira," katanya.

Dakwaan bahawa dari segi perangkaan pertumbuhan Malaysia agak ketinggalan, adalah meleset kerana kita sudah melepasi keadaan paling sukar. Ekonomi negara sudah pulih dan kini berada kukuh di landasan pemulihan lebih cerah. Rakyat negara ini tidak lagi berasa perit sebagaimana dilalui rakyat Indonesia, Korea Selatan dan Thailand, iaitu satu lagi negara rantau ini yang bernaung di bawah IMF. Walaupun ramai diberhentikan kerja, kebanyakan rakyat Malaysia mendapat semula pekerjaan

dalam tempoh singkat.

Jika Malaysia sanggup membuka ekonomi bagi dimonopoli asing, ia mungkin pulih lebih cepat. Andainya Malaysia mengumumkan hari ini untuk menjual Maybank, bank terbesar tempatan, maka esok pasti pelabur asing berebut-rebut membelinya. Malaysia dapat wang berbilion ringgit tetapi identiti dan harta kita terlepas ke tangan asing. Tetapi, Malaysia tidak sanggup berputih mata dan apalah ertinya pertumbuhan dan pemulihan yang cepat, jika harta negara tergadai. Disebabkan mahukan pertumbuhan ekonomi dengan cepat, banyak syarikat gergasi menjadi milik asing di negara penerima bantuan IMF. Contohnya, sebuah bank pelaburan Amerika Syarikat, Goldman Sachs menguasai 16.8 peratus ekuiti dalam Kookmin Bank, salah sebuah institusi perniagaan terbesar di Korea Selatan pada harga AS\$500 juta (RM1,900 juta). Pembelian itu sekali gus menjadikan Goldman Sachs sebagai pemegang saham terbesar dalam Kookmin Bank yang dikuasai Kerajaan Korea Selatan sebelum 12 April lalu.

Dua lagi bank asing iaitu Germany Commerzbank dan Bank of Amerika turut berjaya menguasai dua bank Korea Selatan iaitu Korea Exchange Bank dan KoRam Bank, dengan masing-masing memegang 50 dan 30 peratus ekuiti. Beberapa bank dan syarikat asing kini dikatakan sedang berbincang untuk mengambil alih banyak lagi bank tempatan di Korea Selatan termasuk Korea First Bank (KFB) yang bermasalah untuk dijual kepada konsortium asing diketuai Newbridge Capital Ltd.

Di Indonesia, menerusi Inisiatif Jakarta yang dilancarkan Februari lalu bertujuan menyelesaikan masalah hutang luar negara syarikatnya, banyak syarikat milik tempatan di negara jiran ini bakal jatuh ke tangan asing.

Melalui Inisiatif Jakarta itu, syarikat yang menanggung beban hutang yang banyak digalak menukar hutang mereka kepada saham. Sehingga ini dilaporkan kira-kira 110 syarikat republik itu dengan jumlah hutang asing sebanyak AS\$13.3 bilion (RM50.54 bilion) sudah menyatakan hasrat menyertai inisiatif berkenaan.

Beberapa syarikat besar dikatakan sudah berjaya menukarkan hutang mereka kepada saham termasuk syarikat Bakrie & Brothers yang dilaporkan sudah hampir pasti untuk memeterai perjanjian bagi penukaran 80 peratus anak syarikatnya kepada pemiutang asingnya bagi menebus hutang berjumlah AS\$1 bilion (RM3.8 bilion).

Bagaimanapun, pemilikan asing secara besar-besaran seumpama itu tidak berlaku di Malaysia. Ini kerana kerajaan tidak mengambil jalan mudah dalam menyelesaikan masalah. Di Malaysia, masalah hutang korporat seperti ini diselesaikan menerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) di bawah kelolaan Bank Negara.

Kerajaan Indonesia sebelum ini menutup 38 bank yang bermasalah. Krisis perbankan di Indonesia adalah paling teruk di dunia dalam tempoh lebih 30 tahun dan dianggar memerlukan AS\$87 bilion (RM330 bilion) untuk memulihkannya. Di negara kita, belum ada bank ditutup sepanjang gawat sebaliknya ia dipulihkan menerusi jentera khas iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Bhd untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar dan Danamodal Nasional Bhd bagi menyuntik modal ke dalam bank yang lemah. Dua jentera ini amat berkesan sekali bagi mengelak gangguan sistemik dalam sektor kewangan.

Sememangnya tiada jalan mudah dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara kerana tiada makna negara kembali mencapai pertumbuhan tinggi tetapi semua keuntungan serta hasil pertumbuhan itu dibolot pelabur asing.

Keadaan inilah yang disifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad `penjajahan era baru' yang mesti dielakkan.

(END)